

**Pengeluar Sarung Tangan Getah Perlu Inovatif Untuk Kekal Berdaya Tahan Dan Kompetitif, Kata Muhyiddin Bernama
4 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada Selasa berkata para pengeluar sarung tangan getah perlu sentiasa menjadi inovatif dan terbuka kepada perkembangan terbaharu bagi terus kekal lestari dan kompetitif.

Katanya langkah melabur di dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), khususnya bagi Malaysia yang merupakan negara pengeluaran utama getah, sangat diperlukan bagi memastikan daya tahan jangka panjang sektor sarung tangan itu.

"Sehubungan itu, inovasi perlu digalakkan lebih jauh lagi dan dipupuk pada rantai bekalan, yang bermula dengan pengeluaran getah, pengeluaran sarung tangan, proses jaminan kualiti dan pelaksanaan strategi pemasaran dan pengedaran," katanya semasa merasmikan Persidangan dan Pameran Sarung Tangan Getah Antarabangsa (IRGCE) 2012 ke-enam selama dua hari, yang bertemakan "Inovasi bagi Kelestarian" di sini pada Selasa.

Tambahan pula, katanya wujud keperluan untuk meneroka kerjasama aktiviti R&D dengan ahli akademik dan institusi penyelidikan bagi mengurangkan kos R&D.

"Ini akan menyumbang ke arah pengurangan kos pembangunan dan meningkatkan proses pengkomersilan hasil keputusan R&D untuk menjadi produk berdaya maju yang boleh dikomersilkan," katanya.

Katanya para pengeluar dan pengeksport perlu sentiasa mengemas kini pelbagai perkembangan mengenai peraturan dan undang-undang pada peringkat persekutuan, negeri dan perbandaran negara-negara pengimport, khususnya di negara-negara maju.

Malaysia kini adalah pengeluar sarung tangan getah terbesar yang membekalkan lebih daripada 60 peratus daripada permintaan semasa sarung tangan getah.

"Pendapatannya dari sarung tangan getah pada 2011 berjumlah RM9.89 bilion, yang merupakan kenaikan 10.9 peratus berbanding dengan RM8.92 bilion pada 2010.

"Dari Januari hingga Mei 2012, eksport keseluruhan sarung tangan getah berjumlah RM4.2 bilion, kenaikan 8.5 peratus berbanding dengan tempoh yang sama tahun lepas, yang bernilai RM3.87 bilion," katanya.

Amerika Syarikat dan negara-negara di Kesatuan Eropah terus menjadi destinasi eksport utama bagi sarung tangan getah Malaysia, diikuti oleh Jepun, Brazil dan Turki, katanya.

Sektor getah di negara ini dijangka menyumbang RM52.9 bilion kepada keluaran dalam negara kasar pada 2020, di mana daripada jumlah itu, RM30 bilion (56.7 peratus) akan diperolehi dari industri sarung tangan getah, katanya.

Sehubungan itu, Muhyiddin berkata kerajaan akan terus mempromosi dan menyokong pertumbuhan industri itu sebagai salah satu pemacu utama di bawah Program Transformasi Ekonomi, melalui pelbagai inisiatif.

Sebagai contoh, katanya kerajaan melalui Lembaga Getah Malaysia sedang merancang untuk membina lima kemudahan baharu bagi memudahkan pembangunan pantas sektor pengeluaran getah pada tahun-tahun akan datang.

"Kemudahan itu termasuk kemudahan pengujian bagi memastikan gred dan kualiti lateks tertinggi mencukupi bagi para pengeluar sarung tangan getah di Malaysia."

"Kewujudan dan operasi kemudahan-kemudahan itu yang disediakan kerajaan akan mewujudkan lebih banyak persekitaran kondusif dan peluang bagi komuniti perniagaan di dalam industri getah bagi menjana pelaburan dan pelaburan semula," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=691815>